Kaliammal a/p Sinnasamy lwn Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO R1–24–102 TAHUN 2005
RAUS SHARIF H
28 DECEMBER 2005

Undang-Undang Perlembagaan — Bidang kuasa — Mahkamah sivil — Sama ada mahkamah sivil boleh mengkaji semula atau mempersoalkan kesahan perintah sedia ada oleh mahkamah sivil — Sama ada mahkamah sivil boleh membatalkan perintah Mahkamah Syariah — Perlembagaan Persekutuan Perkara 121 (1A)

Undang-undang Islam — Penukaran ke Islam — Sama ada mahkamah sivil boleh mengkaji semula atau mempersoalkan kesahan perintah sedia ada oleh Mahkamah Syariah

Melalui saman pemula, pemohon memohon untuk perintah-perintah seperti berikut: (i) suatu deklarasi bahawa pemohon adalah isteri yang sah kepada Moorthy a/l Maniani ('si mati') sehingga pada tarikh kematiannya pada 20 Disember 2005; (ii) suatu deklarasi bahawa si mati adalah seorang beragama Hindu, dan mengikuti adat serta agama Hindu sebelum kematiannya; (iii) suatu deklarasi bahawa si mati adalah seorang bukan beragama Islam pada tarikh kematiannya; (iv) suatu deklarasi bahawa segala dokumen-dokumen penukaran agama si mati kepada agama Islam adalah tidak sah di sisi undang-undang dan terbatal; (v) suatu perintah mengarahkan responden kedua dan/atau Hospital Besar Kuala Lumpur dengan sendiri dan/atau melalui ejen mereka dan/atau melalui pekerja dan/atau wakil mereka menyerahkan dan/atau melepaskan dan/atau memberikan jenazah si mati dengan serta-merta kepada pemohon untuk upacara pengkebumian; (vi) suatu perintah injunksi melarang responden pertama daripada mengambil dan/atau menuntut jenazah si mati daripada responden kedua dan/atau menahan responden pertama daripada menuntut jenazah si mati dengan apa jua cara sekalipun dari responden kedua; (vii) suatu perintah injunksi interim melarang responden pertama daripada mengambil dan/atau menuntut jenazah si mati daripada responden kedua dan/atau menahan responden pertama daripada menuntut jenazah si mati dengan apa cara sekalipun dari responden kedua sehingga keputusan muktamad oleh mahkamah ini.

Diputuskan:

(1) Kes ini berbanding dengan kes *Ng Wan Chan v Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [1991] 3 MLJ 174, kerana terdapat perintah Mahkamah Syariah yang dengan jelasnya memutuskan pada 22 Disember 2005 bahawa si mati adalah seorang Islam dan namanya ialah Mohamad bin Abdullah. Mahkamah Syariah adalah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dan kompetensi untuk menentukan kesahan pemelukan si mati itu ke agama Islam.

Dengan itu mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa dan tidak boleh bertindak untuk mengkaji semula keputusan Mahkamah Syariah itu (lihat perenggan 14); *Nor Kursiah bte Baharuddin v Shahril bin Lamin & Anor* [1997] 1 MLJ 537; *Kamariah bte Ali Iwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi* [2002] 3 MLJ 657 diikut; *Ng Wan Chan v Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [1991] 3 CLJ (Rep) 328 dibeza.

(2) Di Wilayah Persekutuan terdapat peruntukan yang nyata dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 ('Akta 505') mengenai isu pemelukan agama Islam. Bahagian IX Akta 505 menghuraikan dengan jelas prosedur pemelukan Islam. Oleh itu, sudah tentu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dan kompeten untuk menentukan apa-apa perkara yang timbul di dalam Akta 505, seperti kesahan pemelukan seseorang itu ke agama Islam adalah Mahkamah Syariah dan bukan mahkamah sivil. Ini adalah selari dengan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara di mana Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa yang diberikan di bawah undang- undang bertulis (lihat perenggan 18).

(3) Walaupun pemohon melalui afidavit-afidavit yang difailkan cuba menunjukkan bahawa simati dalam tempoh yang dikatakan simati telah memeluk agama Islam, telah mengambil bahagian dalam upacara keagamaan Hindu, dan melakukan perkara yang bertentangan dengan agama Islam atau tidak melakukan perkara seperti yang sepatutnya dilakukan oleh orang Islam, tetapi perkara-perkara tersebut adalah persoalan mengenai undang-undang Islam. Bidangkuasa untuk menentukan perkara-perkara seperti itu adalah Mahkamah Syariah dan bukan mahkamah sivil (lihat perenggan 19).

[English summary

By way of an originating summons, the applicant prays for the following orders: (i) a declaration that the applicant is a valid wife to Moorthy a/l Maniani ('deceased') until the date of his death on 20 December 2005; (ii) a declaration that the deceased is a Hindu and follows the custom and Hindu religion before death; (iii) a declaration that the deceased is not a Muslim on date of his death; (iv) a declaration that all documents of conversion of the deceased to the Islamic religion is not valid in the eyes of law and is cancelled; (v) an order directing the second respondent and/or the Kuala Lumpur General Hospital by itself and/or by their agent and/or by their worker and/or by their representative to hand over and/or to release and/or to give the deceased's body immediately to the applicant for burial purposes; (vi) an injunction order forbidding the first respondent from taking or claiming the deceased's body in any way whatsoever from the second respondent; and (vii) an interim injunction order forbidding the first respondent from taking and/or claiming the deceased's body from the second respondent and/or to detain the first respondent from claiming the deceased's body in any way whatsoever from the second respondent until the final decision by this court.]

Held:

(1) This case was contrasted to the case of *Ng Wan Chan v Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [1991] 3 MLJ 174, because there was an order by the Syariah Court which clearly decided that on 22 December 2005 the deceased was a Muslim and his name was Mohamad bin Abdullah. The Syariah Court has the jurisdiction and conpetency to determine the affirmation of the deceased's conversion to Islam. With that, the civil court does not have the jurisdiction and cannot act to review again the decision of that Syariah Court (see para 14); *Nur Kursiah binti Baharuddin v Shahril bin Lamin & Anor* [1997] 1 MLJ 537; *Kamariah bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lag* [2002] 3 MLJ 657 followed; *Ng Wan Chan v Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [1991] 3 MLJ 174 distinguished.

(2) In the Federal Territory, there is an express provision in the Islamic Administrative Act (the Federal Provinces) 1993 ('505 Act') regarding the embracement of the Islamic religion. Part IX of the 505 Act elaborates clearly the Islamic conversion purposes. Therefore, the Syariah Court and not the civil court has the jurisdiction and competency to determine any matters arising in Act 505 like the affirmation of the person's conversion to Islam. This is in accordance with art 121(1A) of the Federal Constitution which provides that the civil court does not have the relevant jurisdiction with any matters whereby the Syariah Court has the jurisdcition given under the written law (see para 18).

(3) Eventhough the applicant by way of its filed affidavits tried to show that the deceased had embraced Islam in the stated period, at the same time the deceased had also taken part in the Hindu religion ceremony and carried out matters adverse to the Islamic religion or failed to carry out matters which should be carried out by Muslims, such matters are being questioned by the Islamic Law. The jurisdiction to determine such matters are under the Syariah Court and not the civil court (see para 19).

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa mahkamah sivil, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan-perenggan 1918–1919.

Kes-kes yang dirujuk

Ng Wan Chan v Majlis Ugama Islam Wilayah persekutuan & Anor [1991] 3 MLJ 174 (dibeza)
Nur Kursiah bte Baharuddin v Shahril bin Lamin & Anor [1997] 1 MLJ 537 (diikut)
Kamariah bte lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi [2002] 3 MLJ 657 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah—Wilayah Persekutuan) 1993

M Manoharan (A Sivanesan, R Kengadharan, PW Moorthy, Mohan Gandhi dan M Kulasegaran bersama beliau) (A Sivanesan & Co) bagi pihak pemohon.
Fakrol Azman Abu Hasan (Zainul Rijal Abu Bakar bersama beliau) (Azaine & Fakhrul) bagi pihak pihak responden pertama.

Mohamad Naser (Dr Hassan Abdul Rahman, Arik Sanusi Yeop Johari dan Suzana Atan bersama beliau) (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden-responden kedua dan ketiga.

Raus Sharif H:

[1] Melalui saman pemula bertarikh 21 Disember 2005, pemohon, memohon untuk perintah-perintah seperti berikut:

(a) Suatu deklarasi bahawa pemohon adalah isteri yang sah kepada Moorthy a/l Maniam ('si mati') sehingga pada tarikh kematiannya pada 20 Disember 2005;

(b) Suatu deklarasi bahawa si mati adalah seorang beragama Hindu, dan mengikuti adat serta agama Hindu, sebelum kematiannya;

(c) Suatu deklarasi bahawa si mati adalah seorang bukan beragama Islam pada tarikh kematiannya;

(d) Suatu deklarasi bahawa segala dokumen-dokumen penukaran agama si mati kepada agama Islam adalah tidak sah di sisi undang-undang dan terbatal;

(e) Suatu perintah mengarahkan responden kedua dan/atau Hospital Besar Kuala Lumpur dengan sendiri dan/atau melalui ejen mereka dan/atau melalui pekerja dan/atau wakil mereka menyerahkan dan/atau melepaskan dan/atau memberikan jenazah si mati dengan serta-merta kepada pemohon untuk upacara pengkebumian;

(f) Suatu perintah injunksi melarang responden pertama daripada mengambil dan/atau menuntut jenazah si mati daripada responden kedua dan/atau menahan responden pertama daripada menuntut jenazah si mati dengan apa jua cara sekalipun dari responden kedua;

(g) Suatu perintah injunksi interim melarang responden pertama daripada mengambil dan/atau menuntut jenazah si mati daripada responden kedua dan/atau menahan responden pertama daripada menuntut jenazah si mati dengan apa cara sekalipun dari responden kedua sehingga keputusan muktamad oleh mahkamah ini.

[2] Pemohon adalah isteri si mati. Di dalam afidavit sokongannya di Kandungan 2, pemohon antara lain mengikrarkan perkara-perkara berikut:

(i) Beliau telah berkahwin dengan si mati pada 25 November 1995 di kuil Ramer, Taman Selayang;

(ii) Si mati menganut agama Hindu dan mengamalkan semua adat-adat agama Hindu pada setiap masa;

(iii) Pada tahun 1998, si mati telah terlibat dalam suatu kemalangan di Kem Tentera Sungai Udang, Melaka dan berikutan dengan kemalangan itu beliau telah lumpuh dari bahagian pinggang ke bawah dan dengan itu terpaksa menggunakan kerusi roda. Sejak kemalangan itu beliau sentiasa sakit dan daya ingatannya sentiasa hilang;

A

(iv) Pada 11 November 2005, si mati telah jatuh dari kerusi rodanya apabila sedang melawat pusat orang-orang kurang upaya di Rawang. Sejak itu si mati telah berada dalam keadaan koma dan beliau dimasukkan ke Hospital Selayang;

(v) Pada 1 Disember 2005, beliau telah dimaklumkan oleh Mejar Shukri bin Haji
B Yahaya bahawa si mati telah memeluk agama Islam dan memaklumkan sekiranya apa-apa berlaku ke atas si mati maka pihak Majlis Agama Islam yang akan menguruskan jenazahnya;

(vi) Beliau terkejut mendengar berita itu. Menurutnya sepanjang perkahwinannya dengan si mati, si mati adalah seorang penganut agama Hindu yang taat,
C di mana si mati sering bersembahyang di kuil, menyertai upacara keagamaan Thaipusam di Batu Caves (membawa 'paal kodam' dan membayar niat dengan mencukur rambut) menggunakan abu suci yang dikenali sebagai 'tirunuru' dan lain-lain lagi;

(vii) Si mati dalam tahun 2005 dengan menggunakan kerusi rodanya telah
D menyertai perarakan ke Batu Caves dengan membawa 'paal kodam' di mana anggota-anggota RELA telah membantunya dengan mengangkat si mati bersama-sama kerusi roda dari tapak kuil ke atas Kuil Sri Subramaniam di Batu Caves untuk memenuhi nazarnya;

(viii) Sepanjang perkahwinan dengan si mati, beliau selalu melihat si mati makan
E daging khinzir, minum minuman keras dan perbuatan-perbuatan lain yang menunjukkan bahawa si mati adalah bukan seseorang yang telah memeluk agama Islam. Misalnya pada 1 November 2005, abang beliau bernama Gopal telah membelikan sekotak minuman alkohol untuk si mati dan si mati telah minum alkohol tersebut bersama-sama tetamu-tetamu yang lain;

F (ix) Si mati tidak berkhatan dan tidak pernah pada bila-bila menyertai mana-mana kursus masuk Islam;

(x) Sekiranya benar bahawa si mati telah menukar agama ke agama Islam, ia telah dibuat atas satu dorongan yang tidak berpatutan dan bukannya secara sukarela memandangkan si mati merupakan seorang yang kurang upaya.

G

[3] Terdapat dua lagi afidavit sokongan yang difailkan di dalam permohonan ini, iaitu afidavit Chandiran a/l Periasamy (Kandungan 3), rakan karib si mati dan Tenmuli a/p Manian (Kandungan 4) kakak kepada si mati. Kedua-dua afidavit tersebut pada asasnya menyokong apa yang diperkatakan oleh pemohon.

H

[4] Pengarah Hospital Kuala Lumpur Dr Azmi bin Shapie (responden kedua) di dalam afidavitnya telah mengikrarkan antara lain perkara-perkara yang berikut:

(i) Si mati telah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur dari Hospital Selayang pada 12 November 2005 dalam keadaan tidak sedarkan diri dan disahkan
I meninggal dunia pada 20 Disember 2005;

(ii) Satu perbincangan telah diadakan yang melibatkan pegawai-pegawai Hospital Kuala Lumpur dan pegawai-pegawai Angkata Tentera Malaysia dan keluarga/wakil keluarga si mati bagi menjelaskan kedudukan agama si mati sebelum kematiannya. Dari perbincangan itu, beliau telah menjelaskan kepada

pemohon/keluarga si mati bahawa beliau tidak akan menyerahkan jenazah si mati kepada mana-mana pihak sehingga beliau mendapat perintah dari pihak yang berkuasa mengenai status agama si mati. Keengganan beliau untuk menyerahkan jenazah si mati kepada pemohon dan keluarganya adalah kerana ada tuntutan dari pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ke atas jenazah si mati atas alasan si mati beragama Islam;

(iii) Pada 22 Disember 2005, beliau telah diserahkan dengan sesalinan perintah/penghakiman termeterai Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur yang antara lain mengesahkan bahawa si mati adalah seorang Islam dengan nama Islamnya Mohamad bin Abdullah dan pihak-pihak yang menjaga mayat tersebut diperintahkan untuk menyerahkan jenazah si mati kepada Majlis Agama Islam untuk dikebumikan mengikut hukum syarak;

(iv) Setelah menerima perintah tersebut beliau telah mengarahkan pegawai-pegawainya untuk membuat persiapan bagi menyerahkan jenazah si mati kepada Majlis Agama Islam pada 23 Disember 2005;

(v) Namun begitu oleh kerana pertikaian mengenai hak kepada jenazah si mati di mana keadaan di sekitar bilik mayat Hospital Kuala Lumpur didapati tegang maka atas nasihat Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Kesihatan, beliau menyimpan jenazah si mati di bilik mayat Hospital Besar, Kuala Lumpur sehingga pendengaran saman pemula pemohon oleh mahkamah ini.

[5] Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ('Majlis') iaitu responden pertama di dalam saman pemula ini melalui Haji Che Mat bin Che Ali, iaitu setiausaha majlis telah mengikrarkan perkara-perkara berikut:

(i) Si mati, seorang anggota tentera, telah memeluk agama Islam di Pejabat Agama Kem Kementah dan memakai nama Mohamad bin Abdullah dan telah mendaftarkan pemelukan agama Islamnya kepada pihak majlis selaras dengan kehendak Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1993 berkaitan dengan permohonan untuk masuk agama Islam;

(ii) Apabila si mati meninggal dunia pada 20 Disember 2005 pihak majlis telah pergi untuk menuntut jenazah si mati bagi dikebumikan menurut hukum syarak;

(iii) Terdapat halangan dari keluarga si mati, dan suatu perbincangan telah diadakan di pejabat responden kedua. Hasil perbincangan tersebut responden kedua telah menyatakan bahawa jenazah tersebut hanya akan diserahkan kepada pihak yang berhak setelah mendapat perintah daripada pihak berkuasa;

(iv) Justeru itu, majlis telah memfailkan permohonan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur melalui Kes No 14100–099–0090 tahun 2005 dan pada 22 Disember 2005, Mahkamah Syariah telah mengeluarkan satu perintah yang menyatakan antara lain bahawa:

(a) Si mati adalah seorang Islam;

(b) Si mati hendaklah dikebumikan menurut kehendak agama Islam dan hukum syarak;

(c) Mana-mana pihak yang menjaga jenazah hendaklah menyerahkan kepada majlis untuk dikebumikan dengan segera menurut kehendak agama Islam dan hukum syarak;

(v) Si mati setelah memeluk agama Islam tidak pernah membuat sebarang permohonan untuk keluar daripada agama Islam mengikut hukum syarak dan tiada sebarang perintah Mahkamah Syariah yang menyatakan bahawa si mati bukan seorang Islam.

[6] Pemohon di dalam afidavit balasannya di Kandungan 10 telah secara keseluruhannya mempertikaikan kenyataan di dalam afidavit Haji Che Mat bin Che Ali dan sekali lagi menegaskan bahawa si mati tidak pada bila-bila masa memeluk agama Islam sebaliknya adalah beragama Hindu.

[7] Jadi terdapat pertikaian fakta mengenai agama yang dianuti oleh si mati sebelum kematian si mati. Pada pemohon, si mati adalah penganut agama Hindu dan mengamalkan semua adat-adat agama Hindu sepanjang masa. Secara alternatif, pemohon menyatakan bahawa sekiranya benar si mati telah menukar agama ke agama Islam maka ia telah dibuat atas satu dorongan yang tidak berpatutan dan bukan secara sukarela memandangkan si mati merupakan seorang yang kurang upaya. Dengan itu, pemohon mahukan jenazah si mati dilepaskan dan diberikan kepadanya untuk upacara pengkebumian mengikut upacara yang ditentukan oleh pemohon.

[8] Di pihak majlis pula, si mati adalah seorang yang telah memeluk agama Islam. Sebagai pengesahan, majlis telah mengemukakan perintah Mahkamah Syariah, Kuala Lumpur bertarikh 22 Disember 2005, yang menyatakan bahawa si mati adalah seorang Islam dan menghendaki si mati dikebumikan menurut kehendak agama Islam dan hukum syarak.

[9] Encik Fakrol Azman Abu Hassan, peguam yang bijaksana yang mewakili majlis pada asasnya berhujah bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan berkaitan dengan perintah-perintah yang dipohon oleh pemohon seperti di saman pemula pemohon kerana ianya adalah berkaitan kesahan pemelukan agama Islam yang merupakan perkara di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

[10] Encik Mohamad Naser, Peguam Kanan Persekutuan yang mewakili responden kedua dan ketiga mengambil pendirian yang sama. Beliau menambah bahawa memandangkan adanya perintah Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur yang telah memutuskan bahawa si mati adalah seorang Islam, maka mahkamah ini tidak boleh digunakan sebagai forum untuk mempertikaikannya. Menurut En Mohamad Naser bahawa mahkamah ini tidak boleh melakukan satu proses semakan kehakiman untuk menentukan kesahan perintah Mahkamah Syariah tersebut.

[11] Encik M Manoharan, peguam utama yang mewakili pemohon pada asasnya berhujah bahawa mahkamah ini sememangnya mempunyai bidang kuasa untuk menentukan perintah-perintah yang dikemukakan oleh pemohon. Menurutnya,

pemohon adalah seorang yang bukan beragama Islam. Sebagai seorang yang bukan beragama Islam, mahkamah inilah yang mempunyai bidang kuasa untuk menentukan perintah-perintah yang dipohon dan bukannya Mahkamah Syariah.

[12] Encik M Manoharan juga membangkitkan perkara-perkara berikut:

(i) Majlis tidak ada locus standi untuk menuntut mayat si mati;

(ii) Mahkamah Tinggi Syariah, tidak mempunyai bidang kuasa untuk memberikan perintah-perintah yang diberikan;

(iii) Haji Che Mat bin Che Ali, yang mengikrarkan afidavit bagi pihak majlis, tidak layak membuat afidavit tersebut;

(iv) Tidak dikemukakan bukti-bukti oleh majlis untuk menunjukkan bahawa si mati telah memeluk agama Islam;

(v) Perintah yang diperolehi oleh majlis dari Mahkamah Tinggi Syariah yang menyatakan antara lain si mati adalah seorang Islam adalah tidak sah kerana dibuat secara ex-parte dan dibuat atas nama majlis; dan

(vi) Pemyataan-pernyataan pemohon di perenggan 15 hingga 21 afidavit sokongan pemohon yang menyatakan si mati melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama Islam, tidak disangkal oleh responden-responden.

[13] Pada saya, meneliti perintah-perintah yang dipohon oleh pemohon di dalam saman pemulanya, perkara pokok atau pun isu utama yang berbangkit di dalam saman pemula ini adalah mengenai penentuan kesahan pemelukan agama Islam oleh si mati, Persoalannya adakah mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan sama ada si mati dengan sahnya telah memeluk agama Islam. Encik M Manoharan, dalam menyokong hujahnya bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa, telah merujuk kepada kes *Ng Wan Chan v Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [1991] 3 MLJ 174. Di dalam kes tersebut, terdapat pertikaian sama ada si mati seorang yang beragama Buddha telah dengan sahnya memeluk agama Islam. Eusoff Chin H (pada masa itu) berdasarkan keterangan yang dikemukakan dalam kes tersebut telah memutuskan bahawa tidak terdapat keterangan yang konklusif untuk menunjukkan si mati telah memeluk agama Islam. Dengan itu, beliau telah mengisytiharkan bahawa si mati ialah seorang penganut agama Buddha semasa ia hidup dan pada masa ia meninggal. Jadi menurut En M Manoharan, mahkamah ini boleh mengambil pendekatan yang sama dengan memutuskan bahawa tidak terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa si mati adalah seorang yang telah memeluk agama Islam kerana pihak majlis tidak mengemukakan sebarang dokumen untuk menunjukkan si mati telah berbuat sedemikian.

[14] Dengan hormatnya saya tidak dapat mengambil pendekatan yang sama seperti yang diputuskan oleh Eusoff Chin H di dalam kes *Ng Wan Chan*. Pada saya di dalam kes ini berbanding dengan kes *Ng Wan Chan*, terdapat perintah Mahkamah Syariah yang dengan jelasnya memutuskan pada 22 Disember 2005 bahawa si mati adalah seorang Islam dan namanya ialah Mohamad bin Abdullah. Pada saya Mahkamah Syariah adalah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dan

kompetensi untuk menentukan kesahan pemelukan si mati itu ke agama Islam. Dengan itu, mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa dan tidak boleh bertindak untuk mengkaji semula keputusan Mahkamah Syariah itu.

[15] Isu tersebut telah pernah diputuskan oleh KC Vohrah H di dalam kes *Nor Kursiah bte Baharuddin v Shahril bin Lamin & Anor* [1997] 1 MLJ 537, semasa membincangkan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah, telah memutuskan antara lain bahawa Mahkamah Tinggi tidak boleh mengkaji semula atau mempersoalkan kesahan suatu perintah berkuatkuasa yang dibuat oleh hakim mahkamah syariah.

[16] Mengenai isu yang sama, Abdul Hamid Mohamad HMR (pada masa itu) semasa menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan di dalam kes *Kamariah bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan satu lagi* [2002] 3 MLJ 657 dalam membincangkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan telah menyatakan:

> ... bukanlah dalam bidang kuasa Mahkamah ini untuk mengkaji semula keputusan-keputusan mahkamah syariah yang terletak dalam sistem yang berlainan itu. Mahkamah ini mesti menerima bahawa Mahkamah Tinggi Syariah itu telah pun membuat keputusan fakta itu, mengikut hukum syarak dan mahkamah ini tidak berkuasa campur tangan dalam keputusan itu dan mengubahnya, membatalkannya, mengisytiharkan ia tidak sah atau tidak menghiraukan dan membebaskan perayu-perayu.

[17] Saya menerima pakai prinsip yang diputuskan di dalam kedua-dua kes tersebut. Pada saya, memandangkan di dalam kes ini Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Lumpur telah membuat keputusan bahawa si mati adalah seorang Islam, maka mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyemak dan membatalkan perintah mahkamah syariah atau tidak menghiraukan sama sekali perintah tersebut.

[18] Di Wilayah Persekutuan terdapat peruntukan yang nyata dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah—Wilayah Persekutuan) 1993 ('Akta 505') mengenai isu pemelukan agama Islam. Bahagian IX Akta 505 menghuraikan dengan jelas prosedur pemelukan Islam. Oleh itu, sudah tentu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dan kompeten untuk menentukan apa-apa perkara yang timbul di dalam Akta 505, seperti kesahan pemelukan seseorang itu ke agama Islam adalah Mahkamah Syariah dan bukan mahkamah sivil. Ini adalah selari dengan perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara di mana mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa yang diberikan di bawah undang-undang bertulis.

[19] Saya juga berpendapat bahawa walaupun pemohon melalui afidavit-afidavit yang difailkan cuba menunjukkan bahawa si mati dalam tempoh yang dikatakan si mati telah memeluk agama Islam, telah mengambil bahagian dalam upacara keagamaan Hindu, dan melakukan perkara yang bertentangan dengan agama Islam atau tidak melakukan perkara seperti yang sepatutnya dilakukan oleh orang Islam, tetapi perkara-perkara tersebut adalah persoalan mengenai undang-undang Islam.

Sekali lagi bidang kuasa untuk menentukan perkara-perkara seperti itu adalah mahkamah syariah dan bukan mahkamah sivil.

[20] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini hanya dapat membenarkan permohonan pemohon berkaitan relif di perenggan (a) saman pemula iaitu pemohon adalah isteri yang sah kepada si mati sehingga pada tarikh kematiannya, pada 20 Disember 2005. Relif-relif lain seperti yang dipohon di perenggan (b) hingga (g) saman pemula adalah ditolak.

[21] Dalam keadaan kes ini, saya mengarahkan pihak-pihak untuk menanggung kos masing-masing.

Permohonan ditolak.

Reported by Peter Ling